

05 APR 2001

Kelantan-Pemilihan

SEMBILAN KETUA BAHAGIAN KELANTAN PERTAHAN KEDUDUKAN

KOTA BAHARU, 5 April (Bernama) -- Pemilihan bahagian Umno Kelantan yang bermula esok menyaksikan sembilan ketua bahagian mempertahankan kedudukan masing-masing bagi penggal baru.

Lima lagi ketua bahagian mengekalkan jawatan masing-masing tanpa perlu memasuki gelanggang pemilihan selepas menang tanpa bertanding.

Mereka yang menang tanpa bertanding jawatan ketua bahagian ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed selaku ketua bahagian Jeli, bekas pengerusi badan perhubungan negeri itu Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang), bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa (Peringat), bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali (Pasir Mas) dan Tuan Hashim Tuan Yaacob (Kubang Kerian).

Nasib ketua bahagian lain akan diketahui dalam tempoh dua minggu ini kerana menghadapi tentangan pencabar mereka.

Mereka ialah Mat Zin Ismail (Rantau Panjang), Datuk Hashim Safin (Tanah Merah), Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Nor (Bachok), Datuk Wan Zaid Wan Abdullah (Kuala Krai), Datuk Ariffin Abdul Hamid (Pengkalan Chepa), Kamaruddin Mohd Nor (Pasir Puteh), Ismail Mamat (Machang), Mansor Salleh (Tumpat) dan Datuk Ahmad Rastom Ahmad Maher (Kota Baharu).

Berdasarkan jumlah pencalonan yang diperolehi, sebahagian besar daripada mereka dijangka mampu mempertahankan jawatan masing-masing walaupun persaingan sengit menanti mereka.

Antara yang memberi saingan ialah anggota veteran Umno Tan Sri Hussein Ahmad yang mencabar kedudukan Mat Zin dalam pertarungan tiga penjurong di Rantau Panjang. Seorang lagi pencabar ialah Razali Ismail.

Hussein, Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), yang beberapa tahun lepas mengakui "bersara" daripada politik, tiba-tiba berubah fikiran "dalam sebulan dua ini" dan menjadi antara mereka yang paling awal menyatakan hasrat merebut jawatan ketua Rantau Panjang.

Ketika ditemui Bernama, Hussein berkata faktor usia bukan penghalang baginya untuk meneruskan khidmat sebaliknya tindakan beliau adalah kerana mahu memperkuatkan semula Umno Kelantan, yang sejak tiga penggal pilihan raya umum lepas tewas kepada PAS.

Bahagian Pasir Puteh pula menyaksikan Kamaruddin, iaitu bekas Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Semerak, menghadapi persaingan tiga penjurong menentang bekas anggota Parlimen Machang Datuk Shukri Mohamed dan Rozali Mohamed.

Bahang kepanasan pemilihan di Kelantan kali ini sebenarnya berbeza daripada sebelumnya dengan kesemua jawatan yang dipertandingkan di sembilan bahagian itu menjadi rebutan.

Menyedari kemungkinan berlaku perpecahan dalaman Umno ekoran pertarungan sengit itu, Mustapa awal-awal lagi menasihati semua pihak supaya berkompromi sesama sendiri sebelum memutuskan untuk bertanding.

Bagaimanapun sesetengah pihak mendakwa kenyataan supaya mereka berkompromi itu ditafsirkan sebagai tanda sikap terbuka parti dalam membenarkan perebutan bagi jawatan berkenaan.

Perebutan sengit itu terbukti daripada peringkat pencalonan oleh cawangan-cawangan apabila banyak pihak mengadu berlaku proses tidak demokrasi semata-mata untuk memastikan hanya terdapat satu sahaja calon bagi sesuatu jawatan.

Badan Perhubungan Umno sendiri mengakui bahawa pemilihan kali ini menyaksikan hampir semua 14 bahagian mendapat aduan dan menghadapi masalah

di peringkat mesyuarat cawangan dan kebanyakannya sehingga kini sukar diselesaikan, daripada jawatan ketua bahagian hingga ke pemuda dan wanita.

Berikutan banyak pencalonan daripada peringkat cawangan dibatalkan di saat-saat akhir atas alasan teknikal, persidangan perwakilan Pemuda Gua Musang yang sepatutnya berlangsung esok ditangguhkan manakala mesyuarat bahagian dimulakan dahulu yang dijadual dirasmikan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu ini.

Setiap hari, memorandum bantahan dihantar ke pejabat badan perhubungan negeri selain satu dua insiden ganas termasuk pergaduhan yang antaranya berakhir dengan laporan polis.

Pemerhati politik menyifatkan "semangat anggota Umno" pada pemilihan kali ini adalah di tahap kemuncak melebihi persediaan menghadapi pilihan raya umum.

Ada beranggapan pertandingan sengit kali ini hanya memecah belahkan Umno negeri itu apabila anggota-anggotanya masih engan belajar daripada kekalahan teruk Umno Kelantan pada pilihan raya umum lepas yang menyiksikannya memenangi hanya dua daripada 43 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Malahan, kedua-dua Adun Umno itu Mohamed Saufi Deraman (DUN Galas) dan Nozula Mat Diah (DUN Paloh) akan menentang satu sama lain bagi jawatan Timbalan Ketua Bahagian Gua Musang pada Sabtu ini.

-- BERNAMA

RAR NAK